



## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

#### **LAPORAN EKSEKUTIF PROGRAM JOB FAIR @ UTC 2.0 TAHUN 2017**

Putrajaya, 29 Mei – Program Job Fair @ UTC 2.0 Tahun 2017 telah berlangsung pada 20 Mei 2017 (Sabtu) secara serentak di seluruh negara. Program ini merupakan hasil kerjasama Kementerian Sumber Manusia dengan Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan Malaysia melalui konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Pelancaran program ini telah berlangsung melalui Program Tinjauan Mesra YB. Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di UTC Sarawak (Kuching). Selaras pelancaran secara serentak, Program Tinjauan Mesra turut dilaksanakan Dato' Sri Hj. Ismail Bin Hj. Abdul Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di UTC Pahang.

Penganjuran Karnival Kerjaya tersebut telah melibatkan sebelas (11) Pusat Transformasi Bandar (UTC) di seluruh negara iaitu UTC Kedah, UTC Perak (Dataran Majlis Bandaraya Ipoh), UTC Kuala Lumpur, UTC Melaka, UTC Johor, UTC Kelantan, UTC Pahang, UTC Labuan, UTC Terengganu, UTC Sarawak dan UTC Sabah. Ia juga turut melibatkan empat (4) lokasi terpilih JobsMalaysia Center iaitu JMC Perlis (Bangunan Tun Abdul Razak, Kangar), JMC Pulau Pinang (Pearl City Mall, Simpang Ampat), JMC Selangor (JMC Pelabuhan Klang) dan JMC Negeri Sembilan (Seremban Prima, Seremban).

Pasca kepada penganjuran Job Fair @ UTC 2.0 Tahun 2017 ini, maka pihak Kementerian Sumber Manusia telah mendapat data penempatan dan penawaran kerja seperti berikut:

- a) Penempatan terus bagi program tersebut adalah sebanyak 7,588 (41.1%) orang daripada jumlah pencari kerja berdaftar iaitu 18,456 orang sepanjang program berlangsung. Jumlah keseluruhan kekosongan jawatan yang ditawarkan pada program ini adalah sebanyak 26,275 kekosongan jawatan dengan melibatkan sebanyak 457 majikan di seluruh Malaysia. Jumlah pengunjung sepanjang program ini berlangsung ialah seramai 35,570 orang pengunjung (butiran di Lampiran A).

Penganjuran program telah melibatkan beberapa pihak seperti Majikan, Jabatan dan Agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pengurusan UTC, dan Agensi-agensi Pekerjaan Swasta. Manakala golongan sasar terdiri daripada, Graduan Institut Pengajian Tinggi, Pelajar Lulusan Institut Latihan Kemahiran, Pekerja Yang

Diberhentikan Kerja, Orang Kurang Upaya dan Pesara, Pekerja Yang Ingin Meningkatkan Kerjaya, Belia dan Pelajar Sekolah.

Manakala pengisian program yang telah dijalankan semasa program berlangsung adalah Temuduga Terbuka, Pendaftaran Carian Pekerjaan Secara On-Line, Ceramah Kerjaya, Klinik Kerjaya, Demontrasi Bakat dan Kemahiran (Industri Kreatif) dan Kajian Cabaran Pencari Kerja & Majikan 2017.

Secara tuntasnya, program ini telah berjaya mencapai objektifnya dan selaras dasar kerajaan untuk memaksimakan JobsMalaysia selaku penyedia dan penawaran pekerjaan setempat. Lebih banyak peluang pekerjaan dapat diakses melalui pendaftaran di laman sesawang <http://www.jobsmalaysia.gov.my>

**###**

**Butiran Lanjut Sila Hubungi:  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Manusia  
29 Mei 2017**